



TEKS UCAPAN

YBHG. DATUK SERI MOHD ZUKI BIN ALI

TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA KANAN

JABATAN PERDANA MENTERI

BERSEMPENA PERHIMPUNAN BULANAN BULAN

OKTOBER 2018

Tarikh : 24 OKTOBER 2018 (RABU)

Masa : 8.30 PAGI

**Tempat : AUDITORIUM JPM
BLOK B1, KOMPLEKS JPM**

Assalamualaikum warahmatullahi wa barakaatuh,

Salam Sejahtera,

Saudara dan saudari Pengacara Majlis,

**Yang Berbahagia Datuk Haji Zainal Abidin bin
Abu Hassan,**

Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan dan
Kewangan) JPM,

**Yang Berbahagia Dato' Junaidah Binti
Kamarruddin,**

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) JPM,

Yang Berusaha Encik Rahimi Bin Ismail,
Setiausaha Bahagian, Bahagian Pengurusan
Hartanah (BPH) selaku penganjur perhimpunan kita
pada hari ini.

Yang Berusaha Encik Badrul Hisham Bin Abu Hani,

Ketua Seksyen Pengurusan Psikologi, Jabatan Perdana Menteri, yang turut bekerjasama bersama penganjur untuk menjayakan perhimpunan pada hari ini,

dan

Yang Berusaha Dr. Abdul Jalil Bin Hassan,
selaku penceramah jemputan kita pada hari ini.

Yang Berbahagia Datuk-Datuk, Ketua-Ketua Jabatan, Setiausaha-Setiausaha Bahagian, Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran saya rafakkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan rahmat dan inayah-Nya jua kita dapat berjumpa dan berkumpul lagi dalam Perhimpunan Bulanan Jabatan Perdana Menteri (JPM) bagi bulan Oktober 2018 ini.
2. Terima kasih dan tahniah kepada tuan rumah iaitu Bahagian Pengurusan Hartanah dan Seksyen Pengurusan Psikologi di atas penganjuran majlis kita pada bulan ini.
3. Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan Selamat Datang kepada YBhg. Dato' Junaidah binti Kamarruddin, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), JPM yang baharu ke JPM ini. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima

kasih kepada YBrs. Encik Zakaria Bin Shaaban yang telah berpindah ke NADMA. Terima kasih di atas sumbangan dan khidmat yang telah beliau berikan sepanjang berada di JPM ini.

4. Ucapan tahniah juga saya ucapkan kepada YBrs. Encik Rahimi bin Ismail yang telah dilantik sebagai Setiausaha Bahagian, BPH yang baharu.
5. Sebagaimana yang telah diumumkan tadi, beberapa orang pegawai telah bertukar keluar dari Jabatan/Agensi JPM sepanjang bulan September 2018 ini. Justeru, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas segala sumbangan dan khidmat bakti yang telah dicurahkan selama berkhidmat di JPM. Saya mendoakan yang terbaik buat tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

6. Kepada kakitangan baru, saya ucapkan “Selamat Datang” ke JPM. Semoga tuan-tuan dan puan-puan dapat menyesuaikan diri, mencurahkan khidmat bakti dan menyumbang idea yang bernas bagi membantu JPM dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik dan berkualiti kepada ‘*stakeholder*’ dan masyarakat seluruhnya.

7. Pada kesempatan ini juga, saya mengucapkan tahniah kepada penerima-penerima surat kenaikan pangkat dan pemangkuan serta Anugerah Penjawat Awam Cemerlang Bulanan (APCB) JPM bagi Bulan Oktober 2018. Semoga kecemerlangan ini dapat diteruskan dan juga menjadi contoh kepada warga JPM yang lain untuk terus berkhidmat dengan cemerlang. Maka dengan itu, hadirin dan hadirat sekalian, sebagai warga JPM mari kita terus menerus

menggembleng tenaga dan menyumbang idea, untuk menjadikan JPM lebih cemerlang lagi.

8. Tidak lupa juga kepada pegawai yang telah menerima Anugerah Peminjam Paling Aktif @Perpustakaan JPM dan *Most Active Department Lending Books* @Perpustakaan JPM bagi Bulan September 2018. Tahniah! Membaca merupakan satu medium utama kepada ilmu pengetahuan.

9. Tahniah juga diucapkan kepada pemenang pertandingan *Selfie & Wefie* Sayangi Malaysiaku! Teruslah menyemarakkan semangat cintakan Negara kita ini.

Hadirin hadirat sekalian,

BULAN OKTOBER BULAN KEMPEN KESIHATAN MENTAL

10. Kesihatan mental seringkali dikaitkan dengan penyakit mental tetapi kenyataan ini adalah kurang tepat. Berdasarkan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), ia merangkumi perasaan, fikiran dan tingkahlaku dalam diri sendiri, kemampuan untuk berinteraksi secara sihat dengan orang lain, kumpulan dan persekitarannya serta bagaimana seseorang itu mengendalikan tanggungjawab, cabaran dan tekanan yang timbul dalam kehidupan seharian. Individu yang sihat mental berupaya mengekalkan perhubungan yang harmoni dengan orang lain, mengambil bahagian dalam

aktiviti kemasyarakatan dan boleh menyumbang di dalam masyarakat.

11. Di Malaysia, Kajian Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan pada 2015 menunjukkan kewujudan masalah kesihatan mental adalah 29.2 peratus dalam kalangan orang dewasa, manakala 12.1 peratus dalam kalangan kanak-kanak dan remaja.
12. Oleh yang demikian, sebagai sebahagian daripada usaha untuk mewujudkan kesedaran terhadap kesihatan mental dan pendedahan kepada kaedah untuk menanganinya terutamanya dalam kalangan penjawat awam, Kempen Kesihatan Mental adalah disambut setiap tahun pada bulan Oktober.

13. Memetik ucapan Yang Berbahagia Datuk Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia bersempena Majlis Perasmian Persidangan Psikologi Ke-23 pada 9 Oktober yang lalu, kesihatan dan kesejahteraan mental pada umumnya merupakan manifestasi kepuasan hidup secara holistik, iaitu merangkumi aspek fizikal, mental, intelektual, emosi dan rohani.

14. Berdasarkan dapatan Indeks Kesejahteraan Psikologi Malaysia 2018, kita selaku penjawat awam perlulah:

- i. menjaga kesejahteraan fizikal;
- ii. menjaga kesejahteraan mental melalui pemikiran yang positif dan rasional;
- iii. menjaga kesejahteraan *spiritual* dengan emosi yang stabil dan terkawal;
- iv. membentuk budaya positif dan meningkatkan prestasi organisasi;

- v. menjaga kesejahteraan kewangan dengan berupaya mengurus kewangan secara efektif; dan
 - vi. menjaga kesejahteraan sosial melalui perhubungan yang baik dan harmoni dengan orang lain.
15. Suka untuk saya maklumkan bahawa dalam majlis tersebut juga, Jabatan Perdana Menteri telah menerima Anugerah Kategori Organisasi AKRAB Gemilang. Tahniah diucapkan kepada AKRAB JPM! Teruskan kecemerlangan ini.

Hadirin sekalian,

**INTIPATI UCAPAN YAB PERDANA MENTERI
SEMASA PERHIMPUNAN BERSAMA WARGA
JPM BAGI BULAN OKTOBER**

16. Perhimpunan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bersama warga JPM bagi bulan Oktober telah diadakan pada 10 Oktober yang lalu. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapannya telah memberikan penekanan mengenai keluhuran undang-undang.

17. Undang-undang digubal dalam masyarakat yang bertamadun adalah bertujuan untuk melindungi semua orang dalam Negara ini, yang merangkumi rakyat, pemerintah dan juga Raja.

18. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengingatkan kita bahawa undang-undang ini adalah terpakai kepada semua, tidak mengira sekiranya seseorang itu adalah rakyat, penjawat awam, pemerintah mahupun Raja. Semua pihak adalah terikat dengan undang-undang dan perlu sama-sama menjunjung keluhurannya.

19. Tanpa undang-undang yang tulus dan adil mana mungkin Negara kita mampu kekal aman dan tenteram. Adalah menjadi tanggungjawab kita bersama untuk berpegang teguh kepada keluhuran undang-undang yang mana merupakan salah satu asas kepada sistem demokrasi yang diamalkan di Negara kita yang tercinta.

Yang Berbahagia Datuk-Datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati,

INTIPATI KAJIAN SEPARUH PENGGAL RANCANGAN MALAYSIA KE-11

20. Pada 18 Oktober baru-baru ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membentangkan di Parlimen Kajian Separuh Penggal (KSP) Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) yang mana merupakan satu dokumen yang menggariskan dengan komprehensif dasar-dasar Kerajaan semasa dalam usaha mereformasikan Negara kita ini sejajar dengan aspirasi Rakyat.

21. KSP kali ini juga telah merubah perspektif kita terhadap pembangunan yang mana tidak sahaja melihat kepada ukuran pertumbuhan ekonomi seperti Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) yang telah menjadi kelaziman sebelum ini, sebaliknya perlu turut mengutamakan peningkatan kuasa beli rakyat serta pembangunan yang dinikmati oleh semua rakyat selari dengan salah satu cita-cita dalam Rukun Negara, iaitu mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara akan dinikmati bersama secara adil dan saksama.

22. Sehubungan dengan itu, KSP RMK-11 ini telah menggariskan 6 tonggak baharu yang akan diberikan penekanan bagi baki tempoh 2018 – 2020 yang mana kita selaku penjawat awam perlu bersama menggalasnya, iaitu:

- i. mereformasi tadbir urus ke arah meningkatkan ketelusan dan kecekapan Perkhidmatan Awam;
- ii. memperkukuh pembangunan inklusif dan kesejahteraan Rakyat;
- iii. menuju ke arah pembangunan Wilayah yang seimbang;
- iv. memperkasa modal insan;
- v. mempertingkat kemampanan alam sekitar melalui pertumbuhan hijau; dan
- vi. memperkukuh pertumbuhan ekonomi.

Hadirin sekalian,

INTIPATI SESI “UP AND CLOSE KSN WITH MEDIA”

23. Yang Berbahagia Datuk Seri Dr. Ketua Setiausaha Negara pada 11 Oktober telah mengadakan satu sesi “Up and Close KSN with Media” di Banglo Transit BPH Presint 10. Dalam

sesi ini beliau telah menetapkan beberapa perkara utama yang perlu diberikan penekanan oleh Perkhidmatan Awam.

24. Fokus pertama adalah perlunya Perkhidmatan Awam bersifat *politically neutral*, iaitu kita selaku penjawat awam perlu mengenenpikan apa jua pegangan politik kita semasa melaksanakan tanggungjawab bagi memastikan kita tidak memihak kepada mana-mana parti politik dalam melaksanakan amanah yang telah diberikan kepada kita. Seharusnya pertimbangan kita semasa melaksanakan tanggungjawab adalah berpaksikan kepada Perlembagaan Persekutuan, undang-undang dan peraturan yang sedang berkuatkuasa.

25. Selain itu, penekanan turut diberikan kepada pembasmian gejala rasuah dalam Perkhidmatan Awam. Usaha ini tidak akan mengenal pangkat sama ada mereka yang kita gelar sebagai jerung mahupun bilis. Tindakan tegas akan diambil sekiranya terbukti bahawa penjawat awam tersebut mengamalkan rasuah. Ini adalah kerana rasuah mampu melumpuhkan fungsi satu-satu jabatan yang mana seterusnya mampu menjejaskan ekonomi dan kemajuan Negara kita ini.

26. Yang Berbahagia Datuk Seri Dr. Ketua Setiausaha Negara juga memberikan tumpuan kepada kecekapan dan keberkesanan Perkhidmatan Awam selaku tulang belakang yang memacu Negara dalam memenuhi aspirasi rakyat menerusi pelaksanaan dasar-dasar ke arah mencapai hala tuju yang ditetapkan oleh

Kerajaan semasa. Kesungguhan Kerajaan dalam memastikan kecekapan dan keberkesanan Perkhidmatan Awam ini boleh dilihat menerusi komitmen untuk menubuhkan Ombudsman Malaysia yang mana merupakan sebuah badan yang akan bertanggungjawab dalam memastikan tindakan ke atas pengaduan berkaitan kementerian dan agensi dapat ditangani dengan lebih efektif.

Hadirin hadirat sekalian,

KEPRIHATINAN MALAYSIA KE ATAS NEGARA TETANGGA

27. Kita selaku rakyat Malaysia adalah turut terkesan dengan kesusahan yang menimpa di negara-negara sekitar Malaysia. Baru-baru ini

kita dikejutkan dengan bencana gempa bumi pada skala magnitud 7.5 yang melanda Sulawesi, Indonesia. Gempa tersebut turut boleh dirasai sehingga ke bandar Tawau di Sabah. Kesan sampingan daripada gempa bumi tersebut adalah tsunami dahsyat yang melanda kota Palu di Sulawesi sehingga telah mengorbankan lebih daripada 2,000 orang.

28. Sebagai sebahagian daripada usaha untuk membantu saudara-saudara kita yang sedang dalam kesusahan, kita akan melancarkan Tabung Kemanusiaan Palu Sulawesi dalam perhimpunan kita ini. Adalah diharapkan agar kita dapat menghulurkan sedikit bantuan kewangan kepada warga Sulawesi yang terlibat secara terus dengan bencana alam tersebut. Moga-moga bantuan tersebut dapat membantu

mereka menghadapi ujian yang sedang dihadapi.

29. Selain itu, kita juga akan melancarkan Tabung Kemanusiaan Kemboja yang mana adalah bertujuan membantu mengumpul dana bagi pembinaan sebuah surau dua tingkat di Kemboja yang mana akan berperanan juga sebagai kelas selain turut dilengkapi perpustakaan dan bilik komputer. Diharapkan kita juga dapat memberikan sedikit sebanyak sumbangan bagi membantu umat Islam di Kemboja yang dalam kesusahan dan memerlukan pertolongan kita. Semoga Allah S.W.T meringankan beban yang sedang dihadapi oleh mereka.

Yang Berbahagia Datuk-Datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati,

SAMBUTAN HARI SUKAN NEGARA 2018

30. Sambutan Hari Sukan Negara telah diisytiharkan oleh kerajaan untuk diadakan pada setiap hari Sabtu, minggu kedua bulan Oktober, iaitu pada 13 Oktober 2018 yang lalu. Sambutan Hari Sukan Negara merupakan inisiatif Kementerian Belia Dan Sukan sebagai langkah pro aktif dalam proses transformasi ke arah mencapai hasrat menjadikan Malaysia sebuah 'Negara Bersukan' atau '*Sporting Nation*'.

31. Kita di Jabatan Perdana Menteri (JPM) tidak terkecuali dalam sama-sama menyemarakkan Hari Sukan Negara yang mana telah berlangsung Hari Sukan Negara @JPM di Gelanggang Sukan JPM pada Sabtu yang lalu.
32. Pelbagai aktiviti telah berlangsung antaranya senamrobik, futsal, bola jaring dan juga gotong-royong memasak bubur Asyura. Tahniah diucapkan kepada warga JPM yang telah bersama-sama menghidupkan gaya hidup aktif menerusi Hari Sukan Negara.

Hadirin hadirat sekalian,

UCAPAN DEEPAVALI

33. Di sini, saya ingin juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan kepada semua warga JPM yang beragama Hindu “**Selamat Hari Deepavali**” yang mana bakal disambut pada 6 November 2018. Semoga perayaan Deepavali tersebut akan disambut dengan meriah bersama sanak saudara dan keluarga tercinta serta rakan taulan. Diharapkan cahaya yang melambangkan perayaan Deepavali akan turut menyinari nilai-nilai kesamaan dan kerjasama warga JPM secara keseluruhannya supaya kita dapat lebih bersatu dan dapat bekerja dengan baik dan harmoni tidak kira agama, kaum atau bangsa.

Yang Berbahagia Datuk-Datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

PENUTUP

34. Sebentar lagi, saya difahamkan akan ada ceramah yang bakal disampaikan oleh penceramah jemputan kita iaitu Yang Berusaha Dr. Abdul Jalil Bin Hassan dari Bahagian Pengurusan Psikologi, Jabatan Perkhidmatan Awam yang membincangkan suatu topik yang sangat menarik iaitu 'Minda Sejahtera, Warga Ceria'. Semoga ceramah tersebut dapat memberikan kesedaran yang bermanfaat kepada kita mengenai kesihatan minda. Oleh itu, marilah kita sama-sama memberikan tumpuan dan menghayati ceramah tersebut nanti.

35. Bagi mengakhiri ucapan saya pada pagi ini, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua yang terlibat bagi menjayakan perhimpunan pada pagi ini dan juga kepada semua yang telah sudi hadir ke perhimpunan pagi ini. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk menyeru dan mengingatkan warga kerja JPM agar memperkasakan diri dan terus komited bersama-sama kerajaan untuk menjadikan sistem penyampaian perkhidmatan awam di negara kita ini lebih berkualiti dan berintegriti, lebih efektif dan efisien.

36. Saya juga berharap agar tuan-tuan dan puan-puan diberi kesihatan yang baik dan sempurna untuk melaksanakan segala tugas dan amanah yang diberikan oleh pihak rakyat dan kerajaan.

Semoga bertemu lagi pada perhimpunan yang akan datang.

Wabillahittaufikwalhidayah,

Wassalamualaikumwarahmatullahiwabarakatuh.

Sekian, terima kasih.